

Qalam

109 Safar 1379 Ogos 1959 60 Sen

Melayu Sesama Melayu

Di dalam Majlis Mesyuarat Undangan Singapura di dalam sidangannya yang pertama Encik Ali Alwi telah meminta pindaan terima kasih yang dikemukakan oleh pihak kerajaan kepada Yang di-Pertuan Negara kerana mengucapkan dasar-dasar kerajaan PETIR di dalam pembukaan sidangannya, dengan menunjukkan rasa dukacita kerana di sana tidak disebut sedikit pun jaminan kepada kedudukan orang-orang Melayu.

Di dalam perbahasan mengenai pindaan ini, yang mustahak ertinya untuk jaminan yang tertentu terhadap kepada keselamatan orang-orang Melayu masa yang akan datang, terutamanya di dalam pemerintahan PETIR, maka pihak PETIR nampaknya telah menggunakan orang-orang Melayu sendiri menjawabnya seolah-olah menunjukkan kepada mata dunia bahawa cadangan Melayu itu ditolak oleh orang-orang Melayu sendiri – yang ertinya cadangan itu tidaklah *ma'qūl*, sedang orang-orang Melayu yang berkata-kata di sebelah pihak kerajaan itu, bolehlah dipandang seakan-akan melupakan sama sekali yang mereka orang-orang Melayu, yang dahulunya tuan di dalam Singapura ini tetapi sekarang telah dipandang sebagai golongan kecil bukannya sahaja oleh orang lain tetapi oleh orang-orang Melayu sendiri yang duduk di dalam kerusi empuk di dalam kerajaan PETIR itu.

Cubalah perhatikan apa kata orang-orang Melayu yang duduk di dalam PETIR terhadap kepada pandangannya atas bangsanya (ingat – bukan kaum).

Kawan Baharuddin Arif berkata: Sekalipun tidak menyebut di dalam ucapan dasarnya yang diucapkan oleh Yang di-Pertuan Negara tetapi PETIR telah banyak membuat jasa

kepada orang-orang Melayu. Di antara jasanya bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Umum sekarang ialah orang Melayu dan menitikberatkan kepentingan rakyat Malaya - dan membukakan jawatan-jawatan kerajaan kepada orang-orang Melayu.

Bagi orang-orang Melayu hanya tersenyum mendengar perkataan dari orang-orang Melayu di dalam PETIR ini kerana siapakah orangnya yang duduk di dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu. Benar orang Melayu tetapi nampaknya diketahui mereka ialah orang Melayu yang telah banyak jasanya kepada PETIR sebelum ia memerintah. Dengan tidak berniat mengecilkan kebolehannya setelah dikatakan meletakkan jawatannya di suatu tempat kerana dikatakan dari desakan disebabkan telah banyak membuat khidmat untuk PETIR yang terbukti kepada umat Melayu sebagai terangnya siang dan kerana itulah sebenarnya jasanya patut menerima balasan. Juga usaha menitikberatkan terhadap kepada rakyat Malaya sememangnya diketahui oleh orang-orang Melayu kerana orang-orang Melayu dipandang oleh bangsanya sendiri sebagai kaum – bukan sebagai bangsa dan kalau Melayu menuntut hak mutlaknya mudah sahaja dituduh membawa kepada perkauman – *lā hawla wa lā quwwata illa billāh*.

Kawani Sahurah (ahli wanita Melayu di dalam majlis itu) sekata dengan kawan Buang Omar Junid mengatakan bahawa dari dua orang Melayu dan dari kerajaan dahulu “tidak ada sebarang syor untuk perbaikan orang-orang Melayu dan tidak pernah membuat kebaikan pun kepada orang-orang Melayu”.

Kita tidak mempertahankan atau menyetujui setengah-setengah dasar kerajaan yang lalu tetapi patut diingat bahawa kerajaan dahulu adalah mempunyai kuasa-kuasa terhad, tidak seperti sekarang tetapi sungguhpun begitu kawasan-kawasan Melayu telah pun diluaskan dan usaha mengadakan kawasan ini sebenarnya telah pun dibidas oleh PETIR sebagai langkah perkauman. Kerana itu tidaklah hairan orang kalau mendengar tatkala membahas bahawa “cita-cita orang Melayu” khususnya Melayu di dalam PETIR tidak mau perkauman, kawan Ya'qub Muhammad dikatakan mengatakan bahawa orang-orang Melayu tidak suka tinggal di kampung-kampung tetapi lebih suka tinggal di flat-flat sekawan dengan orang-orang bukan Melayu.

Kawan Buang Omar Junid tatkala membidas itu bermegah bahawa dengan adanya bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dilaksanakan oleh PETIR sambil menyatakan bahawa bahasa menunjukkan bangsa.

Sebenarnya orang-orang Melayu sukacita bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan tetapi sebaliknya orang-orang Melayu tidaklah hendaknya bersukacita begitu sahaja; bermegah begitu sahaja yang dibuat oleh kawan Buang Omar Junid kerana apakah yang ada di sebalik bahasa kebangsaan itu di Singapura ini untuk lapangan hidup orang-orang Melayu? Ini mesti dicemburui. Benarlah seperti kata Datuk Abdul Hamid bin Haji Jumat tentang bahasa menunjukkan bangsa bahawa adakah dengan kerana bahasa Melayu itu orang yang bercakapnya bangsa Melayu? Kita berpendapatan bahawa kalau pun bangsa lain tahu berbahasa Melayu maka bukanlah ia orang Melayu atau bangsa Melayu yang menunjukkan Melayu bangsanya! Selain daripada itu bahasa kebangsaan sahaja tidak ada ertinya kerana bahasa itu bukan bahasa rasmi. Di Persekutuan juga perkara ini masih longgar dan kerana itulah M.C.A menghendaki persamaan digunakan juga terhadap bahasa Cina.

Demikianlah perkara-perkara Melayu yang diusulkan dijawab oleh orang-orang Melayu sendiri, daripada bangsa Melayu sendiri. Sepatutnya perkara yang mengenai bangsa itu tidaklah orang-orang Melayu yang mencampurinya, berdiam mereka lebih bijak, kerana dengan berkata-kata itu seolah-olah menunjukkan Melayu sama Melayu dilagakan oleh orang lain disebabkan sepihak dengan sepihak bertentangan, menurut pendapat kita bukannya bertentangan pendapat, tetapi bertentangan kedudukan. Orang-orang Melayu terasa benar pedihnya kejadian ini, terasa benar sebagai satu tikaman daripada bangsa sendiri kepada bangsanya kerana mengetahui dan telah merasa sedangkan diaku dan ditulis pengakuan mengawal maslahat bangsa Melayu itu jarang terlaksana apatah lagi tidak disebut langsung.

Hanya ada satu perkara akuan yang mau dipegang iaitu akuan daripada kawan Buang Omar Junid yang berkata: “Kami dari PETIR sudah tentu akan memperjuangkan nasib orang-orang Melayu”. Pengakuan daripada orang Melayu daripada ahli PETIR ini adalah akan dipegang oleh orang-orang Melayu. Orang-orang Melayu kelak apabila mendapati bahawa mereka tidak memperjuangkan maslahat Melayu dan mendapati mereka melebur bangsa Melayu menjadi kaum dan bersama-sama membuang bangsanya sebagai bangsa Malayan maka sudah barang tentu umat Melayu pada suatu masa kelak harus akan melaknatnya dan akan mengecapnya sebagai pengkhianat kepada bangsa Melayu. Masing-masinglah kita melihat dan menunggu masanya hak dan kedudukan bangsa Melayu diperjuangkan oleh kawan-kawan dalam PETIR itu adanya.

* * *

Perkara Mahkamah Shar‘iyyah

Semenjak Mahkamah Shar‘iyyah dibuka di Singapura maka banyaklah perkara-perkara rumah tangga yang mendukacitakan telah tersiar di akhbar-akhbar yang dibicarakan di mahkamah itu bahkan banyak lagi hal-hal yang “memalukan” yang seyogianya tidak tersiar kerana bertentangan dengan ajaran Islam yang telah tersiar ke hadapan am.

Hakim Mahkamah Shar‘iyyah Singapura, Tuan Taha Suhaimi pada 4 Julai yang lalu tatkala ditanya oleh Radio Singapura dikatakan menyatakan bahawa dengan tersiarnya berita-berita di mahkamah itu maka kuranglah perbincangan yang datang. Kerana itu berita-berita itu tersiar ada baiknya untuk mengurangkan orang-orang yang mengadu sebab mereka malu kelak namanya akan tersiar di akhbar-akhbar.

Cara pendapat hakim Mahkamah Shar‘iyyah itu demikian adalah sangat-sangat mendukacitakan. Beliau sebagai hakim Mahkamah Shar‘iyyah yang dipandang sebagai seorang yang ahli di dalam hukum Islam tentulah seyogianya memberi pendapat dengan cara apa yang diajarkan oleh agama. Agama Islam dengan terang dan jelas menegah menyiarkan keaiban seseorang di hadapan